

PM: Malaysia lantang kerana prinsip

Mn. 11 - 5 JUN 1994

KUALA LUMPUR 4 Jun — Malaysia akan terus menyuarakan pandangan dan pendapatnya di forum antarabangsa secara terus terang dan berani, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, suara lantang Malaysia di forum-forum antarabangsa bukanlah bertujuan untuk menonjolkan diri tetapi kerana Malaysia berpegang kepada prinsip.

"Malaysia akan terus menentang ketidakadilan, kekejaman dan usaha-usaha mengilias tangan negara-negara yang lemah," tegasnya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika menyampaikan ucapan tahniah dan ikrar taat setia pada majlis menghadap dan istiadat pengurniaan darjah kebesaran sempena ulang tahun Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, di Istana Negara.

Perdana Menteri menegaskan, selaras dengan prinsip negara ini untuk menyumbang kepada keamanan antarabangsa, Malaysia juga telah menghantar anggota-anggota keselamatannya bertugas di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Bosnia-Herzegovina, Somalia dan Kemboja.

Dr. Mahathir berkata, keadaan aman damai dan suasana tenang di negara ini bukanlah satu perkara kebetulan.

"Ia adalah hasil usaha gigih rakyat berbilang kaum yang sentiasa berusaha untuk mengekalkan perpaduan dan persefahaman yang erat di antara satu sama lain demi menjamin negara tetap stabil dan aman," katanya.

Rakyat kini, kata Perdana Menteri, lebih sedar akan pentingnya mereka hidup bersatu padu dan bekerjasama antara satu sama lain.

Katanya, peristiwa perbalahan kaum dan agama

di beberapa negara lain yang telah mengorbankan banyak nyawa dan kemusnahan harta benda tentulah menyedarkan rakyat Malaysia akan betapa pentingnya mengekalkan perpaduan kaum.

"Rakyat sedar bahawa persengketaan antara kaum akan hanya menyusahkan dan merugikan mereka serta negara.

"Justeru itu, rakyat sentiasa berusaha dengan penuh keazaman ke arah memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian di kalangan mereka," katanya.

Mengenai pertumbuhan ekonomi, Dr. Mahathir berkata, bagi membolehkan sektor swasta terus menjadi penggerak utama, sektor swasta perlulah lebih dinamik dan agresif dalam menerokai pasaran-pasaran baru di samping meningkatkan lagi kecekapan dan produktiviti demi memperbaiki daya saingan mereka.

Pelaburan

"Sektor swasta tidak harus lagi melihat prospek pelaburan di dalam negeri sahaja, malah demi faedah jangka panjang, perlu membuat pelaburan di luar negara," katanya.

Beliau menegaskan, kerajaan akan berusaha se-daya upaya mewujudkan iklim perniagaan yang sesuai untuk perniagaan dan pelaburan.

Jika Malaysia, kata Dr. Mahathir, dapat meningkatkan lagi *competitive advantage* yang ada, negara akan terus mencapai kejayaan yang lebih besar.

Perdana Menteri memberi jaminan bahawa kerajaan akan berusaha se-daya upaya membantu Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong menjalankan tugas selaras dengan kehendak dan prinsip sistem raja berperlembagaan.